

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI  
Tajuk : MAJLIS PENYERAHAN RASMI RUMAH RONALD MCDONALD KEPADA HOSPITAL  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (HUKM)  
Lokasi : HOSPITAL UKM, CHERAS, KUALA LUMPUR  
Tarikh : 21-06-1999

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tabung Kebajikan Ronald McDonald Untuk Kanak-kanak Malaysia atau RMCC, dan Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia kerana telah mengundang saya ke majlis ini. Saya berasa gembira dapat menyertai upacara yang begitu bersejarah bagi kedua-dua pihak ini serta kepada kanak-kanak Malaysia khususnya, dan kepada negara dan rantau ini amnya. Kita harus berbangga dengan usaha gigih yang dilakukan oleh sebuah tabung kebajikan kanak-kanak yang sakit di negara ini. Atas usaha itu, saya ingin terlebih dahulu merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak RMCC atas sumbangannya ini.

2. Saya difahamkan bahawa pihak RMCC telah mengambil masa lebih lima tahun untuk mengumpul kewangan yang mencukupi untuk membina rumah ini. Setelah membelanjakan hampir 2 juta ringgit untuk projek ini, saya diberitahu juga bahawa RMCC sedang giat mengatur aktiviti untuk membina kembali kewangannya.

3. Saya rasa kita di Malaysia amat bertuah kerana sektor perubatan kita telah turut berkembang maju bersama-sama dengan sektor-sektor ekonomik. Tumpuan penting turut diberikan kepada sektor ini setiap tahun dalam ke semua rancangan-rancangan pembangunan negara. Dengan tekanan yang begitu kuat dan konsisten ke atas bidang perubatan dan kesihatan, lama kelamaan, tahap menyediakan 'kesihatan untuk semua' akan dicapai di negara ini.

4. Suatu bidang perubatan yang menjadi lebih penting dan mendapat tumpuan yang lebih kebelakangan ini ialah bidang penyakit kanak-kanak. Setiap tahun berbagai- berbagai kes penyakit kanak-kanak dilaporkan oleh hospital- hospital di negara ini. Antara jenis-jenis penyakit yang menyerang anak-anak kita, jenis-jenis penyakit kansar seperti Lymphoblastic Leukimia dan neuroblastoma perlu mendapat rawatan yang rapi dari hospital.

5. Alhamdulillah, dengan kemajuan infrastruktur teknologi, rawatan-rawatan yang dilakukan oleh pakar-pakar perubatan kita di negara ini kini dapat memberi harapan untuk sembuh kepada pesakit-pesakit yang mengidap penyakit-penyakit itu. Walau bagaimanapun oleh sebab proses menyembuhkan penyakit-penyakit begini memakan masa yang agak lama, selain daripada rawatan yang diberikan oleh pihak hospital, kanak-kanak ini juga memerlukan dorongan dari kaum keluarga mereka sendiri. Dorongan daripada ibu bapa dan adik-beradik mereka dapat memberi kanak-kanak ini ransangan supaya tekad menghadapi cabaran mengatasi penyakit yang menyerangi mereka. Pakar-pakar perubatan telah bersependapat bahawa kanak-kanak akan lebih cepat sembuh apabila ibu bapa berada di sisi mereka sepanjang menjalani rawatan.

6. Dengan itu amatlah tepat sekali apabila RMCC bersama-sama Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia bergabung usaha untuk membina rumah khas ini, iaitu Rumah Ronald McDonald-HUKM, untuk menyediakan suasana yang membolehkan anak-anak ini berada di sisi keluarga mereka ketika mereka menjalani rawatan di hospital. Penempatan Rumah ini di kawasan hospital bermakna ibu bapa yang menginap di sini bersama anak-anak mereka tidak perlu kluatir mengenai kemudahan pengangkutan untuk membawa anak-anak mereka berulang alik menjalani rawatan di HUKM. Dengan terdirinya rumah ini, dapatlah ibu bapa menumpukan sepenuh perhatian mereka kepada membantu anak-anak mereka memerangi penyakit yang dihadapi mereka.

7. Rumah-rumah Ronald McDonald seperti ini telah diperakui oleh negara-negara lain berjaya membantu kanak-kanak dan keluarga-keluarga di dalam keadaan serupa. Menurut pihak RMCC, setakat ini telah wujud sebanyak 197 buah Rumah Ronald McDonald di seluruh dunia. Saya berasa bangga bahawa Rumah Ronald McDonald di Malaysia ini adalah yang pertama di rantau ASEAN. Sebagai rakyat Malaysia, kita juga harus bangga kerana rumah ini melambangkan betapa bermurah hatinya rakyat Malaysia menyumbangkan derma ke atas pembinaan rumah ini melalui tabung kebajikan RMCC.

8. Untuk mengendalikan Rumah ini dua orang kakitangan iaitu seorang Pengurus Rumah dan seorang Pembantu Rumah telah pun diambil. Walau bagaimanapun, di luar waktu kerja kakitangan ini, rumah ini memerlukan perkhidmatan sukarelawan. Saya diberitahu bahawa di negara-negara lain, tugas-tugas mengendalikan Rumah Ronald McDonald sepenuhnya dikendalikan oleh sukarelawan. Bagi rumah di HUKM ini, saya amat gembira apabila diberitahu bahawa sukarelawan dari badan sukarela "Sahabat HUKM" telah bersetuju membantu kakitangan rumah ini di luar waktu kerja mereka. Sementara itu pula, kakitangan syarikat McDonald's, rakan-rakan perniagaan mereka dan juga RMCC sendiri akan terus menyokong pengendalian rumah ini secara sukarela.

9. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa masyarakat Malaysia begitu prihatin melakukan kerja-kerja sukarela dan menyumbangkan masa lapang dan tenaga mereka melakukan kerja-kerja amal untuk kebajikan rakyat Malaysia yang lain yang memerlukan bantuan mereka.

10. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menjemput lebih ramai lagi rakyat Malaysia untuk tampil ke hadapan menawarkan diri untuk menjadi sukarelawan di rumah ini. Saya berpendapat melakukan kerja-kerja amal begini dapat menyemai sifat kasih sayang dan saling membantu di kalangan masyarakat kita.

11. Sebelum saya akhiri ucapan ini, saya ingin sekali lagi mengucapkan tahniah kepada RMCC dan HUKM di atas kejayaan projek ini. Saya berharap projek ini akan dapat memenuhi matlamat murninya untuk membantu kanak-kanak yang kurang bernasib baik dan keluarga mereka.

12. Saya juga berharap kerjasama di antara RMCC dan HUKM ini akan dijadikan contoh dan teladan oleh lain-lain organisasi untuk menawarkan perkhidmatan mereka membantu golongan-golongan masyarakat yang kurang bernasib baik di negara kita ini.

13. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan upacara Penyerahan Rumah Ronald McDonald kepada Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia.